

**PEKELILING PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.
BILANGAN 1/1963.**

Tanah-Tanah P.T.D.

Land Acquisition Act, 1960
No. 34 of 1960.

Perhatian semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah di dalam Negeri Terengganu ini adalah ditarik ke Fasal 2(1) Undang-undang Mengambil Balik Tanah yang tersebut di atas di dalam mana tafsiran 'land' itu ialah seperti berikut:-

" 'Land' means landheld under any grant, lease of state land or other registered title and, in the states of Penang and Malacca, shall include land held by freehold, lease or other deed evidencing title, or under customary right, and includes things attached to the earth or permanently fastened to things attached to the earth, and also every interest in land and benefits to arise there from, including the right to occupy land in expectation of title; "

Dengan adanya tafsiran di atas ini adalah nyata iaitu tanah yang berpegang dengan P.T.D. dan sebagainya, melainkan tanah yang diduduki dengan kebenaran T.O.L. (Lesen Tumpangan), yang belum dikeluarkan surat kekal lagi bolehlah diambil balik dengan jalan kuatkuasa Undang-undang yang tersebut di atas ini.

t.t.
(Yusof bin Salim, M.C.S.)
Pesuruhjaya Tanah dan Galian,
Terengganu.

Kuala Terengganu: 23hb. March, 1963.

Bil. (1) dlm. PTG.TR. 95/63.